


8H6M ZHANGJIAJIE + 3 GORGES DAMS + PHOENIX ANCIENT TOWN



**TAMAN NEGARA ZHANGJIAJIE MERUPAKAN INSPIRASI UTAMA
UNTUK LOKASI DALAM FILEM JAMES CAMERON YANG
BERTAJUK AVATAR, ANTARA FILEM TERLARIS DI DUNIA!**

8H6M

ZHANGJIAJIE + 3 GORGES DAMS + PHOENIX ANCIENT TOWN



HARI 01 KUALA LUMPUR - YICHANG

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke YiChang.
Bermalam di **Yichang**.

HARI 02 YICHANG (SHIP LIFT)

SP/MT/MM

Lawatan di **Yichang**:

- Nikmati pelayaran **Two Dams & One Gorge Cruise** di Sungai Yangtze, sungai terpanjang di China yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi. Pelancong berpeluang melihat gabungan landskap gunung, tebing batu dan sungai yang luas sambil menyaksikan kehebatan kejuruteraan moden China. Pengalaman ini memberikan gambaran jelas tentang bagaimana sistem empangan dan kawalan air berfungsi untuk menyokong kehidupan masyarakat setempat.
- **Gezhouba Lock** merupakan sistem pintu air yang digunakan untuk membantu kapal melalui perbezaan paras air di Sungai Yangtze. Di sini, pelancong dapat melihat sendiri bagaimana kapal dinaikkan atau diturunkan secara berperingkat menggunakan teknologi kawalan air yang canggih. Ia merupakan salah satu pengalaman unik yang jarang dapat didapati di negara lain.
- Lawati **Three Gorges Dam**, empangan hidroelektrik terbesar di dunia. Selain berfungsi mengawal banjir, empangan ini juga menjana tenaga elektrik yang membekalkan keperluan berjuta-juta penduduk di China.
- Menikmati suasana tenang serta pemandangan sungai dan pergunungan yang mengelilingi kawasan **Sanyou Cave** yang merupakan sebuah gua bersejarah yang terletak di tebing Sungai Yangtze. Gua ini terkenal dengan ukiran batu purba, sejarah kesusasteraan China dan pemandangan semula jadi yang indah.

Bermalam di **Yichang**.

HARI 03 YICHANG - ZHANGJIAJIE

SP/MT/MM

Lawatan di **Zhangjiajie**:

- **Tianmenshan National Forest Park**: terletak 8km dari pusat bandar Zhangjiajie, merupakan salah satu ikon pelancongan terkenal di Zhangjiajie. Kawasan ini menawarkan pemandangan gunung yang menakjubkan, hutan semula jadi yang terpelihara serta flora yang unik dan jarang ditemui.
- Nikmati pengalaman menaiki **Tianmen Mountain Cable Car**, salah satu kereta kabel terpanjang di dunia dengan laluan sepanjang 7.2 kilometer. Perjalanan ini membawa pelancong dari bandar Zhangjiajie ke puncak Gunung Tianmen sambil menikmati pemandangan gunung, lembah dan hutan yang menakjubkan. Dengan perbezaan ketinggian melebihi 1,000 meter, kereta kabel ini menawarkan pengalaman yang unik dan menjadi antara tarikan utama yang wajib dicuba ketika melawat Zhangjiajie.
- **Tianmen Cave**: Dikenali sebagai "Pintu Syurga", formasi semula jadi ini terbentuk pada tebing gunung dan menjadi salah satu mercu tanda paling terkenal di Zhangjiajie.
- **Glass Walkway** ialah laluan pejalan kaki yang dibina menggunakan kaca lutsinar di sepanjang tebing gunung. Dari sini, pelancong dapat melihat terus ke dasar lembah yang jauh di bawah sambil menikmati pemandangan pergunungan yang menakjubkan. Walaupun mencabar keberanian, pengalaman ini sangat popular dalam kalangan pelancong dari seluruh dunia.

- **72 Qi Tower** merupakan bangunan ikonik yang menampilkan seni bina tradisional China yang unik dan menakjubkan. Pada waktu malam, menara ini diterangi dengan pelbagai lampu berwarna-warni yang menjadikannya lokasi fotografi yang sangat menarik. Kawasan sekitarnya juga dipenuhi dengan gerai makanan tempatan dan kedai cenderamata.

Optional Tour: Tianmen Fox Fairy RMB400/pax
(replaced by Charming Xiangxi in Winter)

Bermalam di **Zhangjiajie**.

HARI 04 ZHANGJIAJIE

SP/MT/MM

Lawatan di **Zhangjiajie**:

- **Tujia Custom Park** memperkenalkan budaya dan warisan masyarakat etnik Tujia yang merupakan salah satu etnik utama di wilayah Hunan. Pelancong dapat melihat rumah tradisional, persembahan kebudayaan, pakaian etnik serta mempelajari cara hidup masyarakat Tujia yang diwarisi sejak turun-temurun.
- **Zhangjiajie Grand Canyon Scenic Area** terkenal dengan keindahan ngarai yang dalam, air sungai yang jernih dan kehijauan alam semula jadinya. Di sini, pelancong boleh menikmati pelbagai aktiviti menarik seperti menaiki bot, berjalan di jambatan kaca terkenal dunia serta menikmati pemandangan Rainbow Square yang cantik dan berwarna-warni. Di sini anda akan merasa keghayatan menaiki jambatan kaca, menaiki bot, flying fox (zipline).

Optional Tour: Baofeng Lake RMB 180/pax.

Bermalam di **Zhangjiajie**.

HARI 05 ZHANGJIAJIE

SP

Lawatan di **Zhangjiajie**:

- **Bailong Elevator** atau "Hundred Dragons Elevator" ialah lif kaca luar bangunan tertinggi di dunia. Lif ini membawa pelancong naik ke kawasan pergunungan dalam masa beberapa minit sahaja sambil menikmati pemandangan tebing batu yang menjulang tinggi di sekelilingnya.
- **Tianzi Mountain**: terletak di kawasan Wulingyuan dan mencakup area seluas sekitar 67 kilometer persegi. Ini adalah wilayah yang penuh dengan puncak batu kapur yang menjulang, lembah yang dalam, dan hutan yang lebat. Puncak-puncak di Gunung Tianzi terkenal dengan bentuknya yang unik dan mistis, sering kali diselubungi oleh kabut tipis yang menambah suasana misterius dan magis. Kawasan ini terkenal dengan fenomena alamnya seperti awan laut, sinar matahari, bayangan Buddha, dan salju musim dingin yang menambah keindahan alamiahnya.
- **Xihai Stone Forest** menampilkan ribuan formasi batu semula jadi yang terbentuk hasil proses hakisan selama berjuta-juta tahun. Batu-batu yang menjulang tinggi ini kelihatan seperti hutan batu yang unik dan menjadi lokasi kegemaran jurugambar untuk merakam keindahan alam semula jadi Zhangjiajie.
- **Zhangjiajie National Forest Park** merupakan taman negara pertama di China yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Taman ini terkenal kerana menjadi inspirasi kepada gunung terapung dalam filem Avatar. Pelancong boleh menikmati pemandangan formasi batu pasir yang luar biasa, laluan pejalan kaki yang selesa dan platform pemerhatian yang menawarkan panorama menakjubkan.

Bermalam di **Zhangjiajie**.

Lawatan di **Fenghuang**:

- **Fenghuang Ancient City:** Dikenali sebagai Phoenix Ancient Town, adalah sebuah destinasi yang kaya dengan sejarah dan budaya, terletak di barat daya Hunan, China. Kota kuno ini adalah contoh yang luar biasa dari budaya dan kehidupan orang Miao dan orang Tujia, dua etnik minoriti yang mendominasi kawasan ini.
- **Wanshou Palace:** Dikenali sebagai Wanshou Temple yang merupakan bangunan yang didirikan untuk peribatan dan sebagai tempat berkumpul bagi penduduk lokal. "Wanshou" dalam bahasa Mandarin bermakna "panjang umur", yang mencerminkan harapan dan doa masyarakat setempat untuk kehidupan yang panjang dan sejahtera.
- **Tuojiang River Rafting:** Anda boleh berjalan-jalan atau menaiki bot di Litchi Bay. Tarikan utama di sepanjang pantai termasuk Plaza Venta, Muzium Tsuen Wan, Taman Tasik Tsuen Wan, dan serta anda boleh menikmati gaya seni bina Lingnan.
- **Shawan Scenic Area** menawarkan pemandangan terbaik Bandar Purba Fenghuang. Kawasan ini sangat popular untuk sesi fotografi kerana latar belakang bangunan tradisional dan sungai yang cantik. Pelancong juga boleh menyewa pakaian tradisional etnik Miao untuk bergambar sebagai kenangan.
- **Ancient Stone Street:** Dibina pada tahun ke-43 Maharaja Kang Xi Dinasti Qing (1704). Pada tahun 1700, tempat ini merupakan laluan masuk dan keluar utama di bandar purba Phoenix. Semasa zaman revolusi Qian Jia yang didalangi orang Miao, pemberontakan dan perang pembebasan yang berlaku tempat ini sentiasa menjadi jalan utama untuk menyerang bandar Phoenix.

Bermalam di **Fenghuang**.

Lawatan di **Yichang**:

- **Tuojiang Tiaoyan** ialah susunan batu-batu besar yang merentasi Sungai Tuojiang dan telah wujud sejak lebih 300 tahun lalu. Pelancong boleh mencuba pengalaman unik melangkah dari satu batu ke satu batu untuk menyeberangi sungai sambil menikmati pemandangan Bandar Purba Fenghuang
- **Yichang Pedestrian Street:** Jalan lama yang berusia ratusan tahun yang terdapat pelbagai banyak kedai tradisional yang menawarkan pelbagai pilihan makanan, barangan cenderamata dan tempat untuk bersantai. Pelancong boleh menikmati makanan tempatan sambil merasai suasana pasar malam dan kehidupan sebenar penduduk Fenghuang.

Bermalam di **Yichang**.

Lawatan di **Yichang**:

- **Yichang Mosque:** Pelancong dapat melangkah ke sebuah tempat yang menyatukan sejarah dan keimanan dengan mengenali warisan Islam di Yichang serta keharmonian budaya antara tradisi Cina dan komuniti Muslim di bandar bersejarah Three Gorges ini.
- Membeli-belah di kawasan **Wholesale Market** di Yichang, di mana tempat pusat beli-belah, pusat hiburan, catering, budaya dan pelancongan integrasi di sini. Di samping itu, terdapat pelbagai kedai pakaian, barang kemas, makanan local yang jual di sini juga.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.



PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65



PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



Zhangjiajie

TOUR HIGHLIGHTS

1.

THREE GORGES DAM

Empangan hidroelektrik terbesar di dunia. Selain berfungsi mengawal banjir, empangan ini juga menjana tenaga elektrik yang membekalkan keperluan berjuta-juta penduduk di China.

2.

TWO DAMS & ONE GORGE CRUISE

Nikmati pelayaran Two Dams & One Gorge Cruise di Sungai Yangtze, sungai terpanjang di China yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi.

3.

FENGHUANG ANCIENT CITY

Dikenali sebagai Phoenix Ancient Town, adalah sebuah destinasi yang kaya dengan sejarah dan budaya, terletak di barat daya Hunan, China.

4.

GRAND CANYON SCENIC AREA

Berpeluang berjalan di atas laluan kaca, menaiki kereta kabel dan eskalator menembus gunung di Tianmen Mountain National Forest.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Yichang	2 Mlm
Fenghuang	1 Mlm
Zhangjiajie	3 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	9H 8478	KUL - YIH	2300	0405
8	9H 8477	YIH - KUL	1650	2200

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Termasuk dengan tiket lawatan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.